

PM galak usahawan ke Selatan

Daripada Mior Kamarul Shahid

BH 13/8/03

ALGIERS: Malaysia berhasrat bertapak di wilayah utara Afrika untuk menggalakkan ahli perniagaan negara meneroka peluang perdagangan di negara Selatan yang selama ini belum diterokai sepenuhnya.

Berucap di Dialog Perniagaan Malaysia-Algeria di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap masyarakat perniagaan Algeria membuka peluang kepada ahli perniagaan Ma-

laysia untuk meneroka pasaran yang kian berkembang.

Perdana Menteri berkata, kerjasama ahli perniagaan kedua-dua negara membolehkan mereka memasuki pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan negara Afrika lain.

Dr Mahathir mengundang ahli perniagaan dan pelabur Algeria menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk untuk mendapatkan pasaran serantau Asean dan Asia Timur.

Sebagai permulaan, mereka dipelawa melawat Malaysia sewaktu sidang kemuncak Pertubu-

han Persidangan Islam (OIC) diadakan di Putrajaya. Oktober ini kerana pelbagai kegiatan yang membabitkan ahli perniagaan dari negara Islam diadakan.

Algeria pula, katanya, boleh menjadi pintu masuk utama bagi perdagangan dengan EU dan negara benua Afrika yang lain.

“Memandangkan syarikat Algeria sudah menjalin hubungan sekian lama dengan negara EU seperti Itali, Sepanyol dan Perancis, mereka boleh bekerjasama dengan syarikat Malaysia untuk mengeluarkan produk bermutu

tinggi atau mewujudkan usaha sama dalam bidang pekilangan ke negara EU dan pasaran lain di rantau ini,” katanya.

Beliau menjelaskan kepada perniagaan Algeria bahawa industri utama Malaysia termasuk produk elektronik bermutu tinggi, peralatan perubatan, industri sokongan perindustrian, komponen automotif, ubat-ubatan, perkhidmatan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan reka cipta produk.

LIHAT MUKA 2 ►

PM mahu swasta manfaat peluang

► **DARI MUKA 1**

Malaysia adalah negara perdagangan ke-18 terbesar dunia dengan menjalankan perdagangan di 230 negara dengan jumlah keseluruhan perdagangan tahun lalu sebanyak AS\$173.2 bilion.

Malaysia mempunyai rekod yang baik sebagai pengilang dan pasaran berasaskan eksport ke pasaran serantau dan global. Malaysia juga terletak di lokasi strategik operasi serantau bagi banyak perbadanan besar menjalankan urusan perniagaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan kedua-dua negara sudah meletakkan rangka kerja bagi kerjasama ekonomi yang rapat. Terpulanglah kepada sektor swasta untuk menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk membantu satu sama lain bagi meningkatkan hubungan ekonomi.

Turut hadir pada majlis dialog itu ialah Perdana Menteri Algeria Ahmad Ouyahia. Kira-kira 50 ahli perniagaan Malaysia menghadiri dialog itu.

Menjelaskan pengalaman Malaysia, Dr Mahathir berkata walaupun mengalami masalah ekonomi pada 1998

dengan pertumbuhan 7.4 peratus setahun akibat impak krisis, ekonomi Malaysia pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus pada 1999 dan 8.3 peratus pada 2000.

Bagaimanapun, kelemahan ekonomi global dan peristiwa 11 September 2001, sekali lagi memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mencatatkan pertumbuhan KDNK sebenar hanya 0.4 peratus. Dengan pemulihan ekonomi global pada 2002, Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK 3.5 peratus dan di ramal meningkat 4.5 peratus pada 2003.

Dr Mahathir turut menggariskan pelbagai langkah yang diambil untuk memajukan ekonomi negara termasuk pembabitan sektor swasta, transformasi dari negara pertanian kepada ekonomi perindustrian moden, peningkatan pengeluaran produk perkilangan yang berjumlah AS\$90 bilion, perindustrian, ekonomi berasaskan pengetahuan dengan memajukan industri komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) serta meningkatkan pelaburan teruasing (FDI).

Mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), 905 syarikat sudah pun mendapat status MSC dengan jumlah pelaburan AS\$3.6 bilion.

Mengenai pendidikan, beliau menggalakkan lebih ramai pelajar Algeria menuntut di Malaysia. Hari ini hanya 44 pelajar negara itu menuntut di Malaysia.